

Wawasan KUIIM tarik minat pelajar Singapura



SEBAHAGIAN pelajar Madrasah Al-Junied, Singapura mendengar taklimat dalam sesi lawatan ilmiah ke Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIIM) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Oleh SALINA IBRAHIM

WAWASAN Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIIM) menjadi daya penarik utama kepada sekumpulan pelajar dari Madrasah Al-Junied, Singapura yang mengadakan lawatan ilmiah ke sana, baru-baru ini.

Ketua bahagian pelajar (akademik), sekolah tersebut, Mustafa Muhamad berkata, walaupun KUIIM masih baru tetapi perancangan jangka panjang dan jangka pendeknya menunjukkan pusat pengajian tinggi tersebut mempunyai wawasan yang tinggi.

"Saya harap pada masa hadapan, KUIIM akan menjadi hebat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)," katanya ketika ditemui sempena lawatan ilmiah mereka ke KUIIM, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Lawatan ilmiah tersebut disertai oleh 105 orang pelajar pra universiti satu dan dua untuk mendedahkan mereka kepada peluang pendidikan tinggi da-

lam aliran agama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Madrasah Al-Junied merupakan salah sebuah sekolah agama swasta yang popular di Singapura, yang ditubuhkan pada tahun 1927 oleh keluarga pedagang berketurunan Al-Junied dari Hadramaut.

Sementara KUIIM merupakan IPTA ke-12 yang khusus dalam pengajian Islam dan mula menerima kumpulan pelajar sulungnya pada 16 Jun 2000 lalu.

Seramai 255 orang pelajar menuntut di KUIIM dalam tiga program pengajian prasiswazah pada hari ini.

Pada lawatan tersebut, para pelajar diberikan taklimat mengenai KUIIM oleh Timbalan Rektor Akademiknya, Prof. Datuk Dr. Abdullah Muhammad Zin.

Mustafa berharap pelajar aliran agama dari Singapura mempunyai banyak peluang untuk meneruskan pengajian mereka

di Malaysia.

Pendedahan yang diterima di KUIIM, katanya, sangat berharga kepada pelajar-pelajarnya supaya mereka dapat melakukan persediaan yang perlu untuk memilih IPTA di Malaysia.

Begitu juga maklumat yang diperoleh di IPTA lain yang termasuk dalam destinasi lawatan ilmiah mereka selama empat hari, seperti UIAM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

FIKIR-FIKIR

MASA depan adalah milik mereka yang bertenaga, seronok menikmati kehidupan dan mencipta serta mengasah kepintaran.

— SIR HENRI
DETERDING